

# RANCANGAN BERSEPADU UNTUK KELUARGA SETINGGAN

Bagi merealisasikan cita-cita Selangor maju menjelang tahun 2005, kerajaan negeri kini tidak lagi memandangkan isu setinggan sebagai isu remeh tetapi memberikan keutamaan bagi menyelesaikan masalah tersebut secara total



Oleh ALI MAHMOOD, NOR SHAMSINOR BAHARIN, MUHD IZHAR ABU SAMAH dan MOHD. YUSMAN AWANG

Selangor Setingan Sifar	26	Bertaraf Dunia	32
Rancangan Struktur Selangor		Mengimbangi Kemajuan Selangor	34
Projek Merakyatkan Pembangunan	30	Selangor Telah 90 Peratus	
Jadikan Shah Alam Bandar Raya		Diperbandarkan	36

**I**SU setingan ibarat duri dalam daging bagi kerajaan negeri Selangor. Isu setingan perlu diselesaikan terlebih dahulu untuk merealisasikan cita-cita menjadi negeri maju menjelang tahun 2005. Walaupun masalah setingan bukan isu baru tetapi ia memberikan impak yang cukup besar dan boleh membantutkan pencapaian matlamat tersebut.

Selangor negeri yang paling banyak mencatatkan jumlah setingan berbanding negeri-negeri lain kerana negeri itu menjadi tumpuan. Apabila mencapai kemajuan yang begitu pesat dan menyediakan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan, ia menarik ramai orang termasuk penduduk yang berasal dari negeri-negeri lain di Malaysia. Masalah setingan yang wujud di Selangor juga berkait rapat dengan pembangunan dan kemajuan Kuala Lumpur. Ini kerana ramai setingan yang tinggal di Selangor bekerja di Kuala Lumpur.

Oleh kerana tanah untuk membina rumah setingan di Kuala Lumpur semakin berkurangan kerana banyak kawasan-kawasan tersebut telah dimajukan, ia menyebabkan ramai warga desa dan rakyat asing yang berhijrah ke bandar raya Kuala Lumpur meneroka tanah-tanah di Selangor untuk membina rumah setingan sebagai tempat tinggal mereka. Akibatnya kerajaan negeri Selangor terpaksa menanggung beban. Kerajaan terpaksa menyelesaikan masalah tersebut, padahal ramai setingan tersebut bukanlah anak jati Selangor. Mereka ini datang dari negeri-negeri lain.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk membasmi masalah setingan, ia seolah-olah tidak mendatangkan kesan langsung. Sehingga kini terdapat 43,547 keluarga setingan dengan 311 kampung di Selangor. Bilangan bangunan rumah setingan pula 41,067 buah. Walaupun kerajaan negeri membina banyak rumah kos rendah bagi menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa kepada penduduk setingan, namun setiap hari ada sahaja setingan-setingan baru muncul seperti cendawan selepas hujan.

Bagi merealisasikan cita-cita Selangor maju menjelang tahun 2005, kerajaan negeri kini tidak lagi memandang isu setingan sebagai isu remeh tetapi memberikan keutamaan bagi menyele-


saikan masalah tersebut secara total.

Langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membebaskan negeri itu daripada masalah setingan yang menghantui pentadbirannya ialah dengan melancarkan program setingan sifar menjelang tahun 2005.

Sebenarnya masalah setingan ini berkait rapat antara satu sama lain. Ia melibatkan keperluan pekerjaan, sosial dan ekonomi. Tidak guna Selangor menjadi negeri maju tetapi pada masa yang sama gagal untuk meningkatkan kualiti hidup rakyatnya yang hidup di kawasan setingan.

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, untuk menghapuskan masalah setingan, kerajaan perlu meningkatkan kualiti serta taraf hidup masyarakat setingan itu sendiri. Bagi menjayakan program setingan sifar, Dr. Mohammad Khir mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) memantau keadaan setingan di kawasan masing-masing termasuk menjalankan bancian untuk mengenal pasti jumlah keluarga terbahit.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Setingan Selangor, Datuk Mokhtar Dahlan berkata, untuk masalah setingan diselesaikan secara menyeluruh ia memerlukan sokongan politik, ahli-ahli majlis



kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. "Pemimpin politik dan ahli majlis perlu serius, mereka kena mengambil tindakan yang tegas. Mereka perlu berani membuat keputusan dan kakitangan kerajaan pula perlu membuat banciaan, pelan, *lay-out*, memantau, menyediakan rumah kos rendah dan komited untuk membasmi setinggan di kawasan masing-masing.

"Kombinasi politik dan jentera kerajaan akan dapat membasmi isu setinggan dengan cukup berkesan. PBT perlu dijadikan penggerak utama dalam merancang, memantau dan bertindak bagi menyelesaikan isu setinggan," katanya.

Semua yang dilakukan itu pula perlu diselarakan antara satu sama lain.

Bagi menyelesaikan masalah ini, langkah yang perlu diambil ialah dengan menyediakan rumah kediaman yang sesuai serta mampu dibiayai oleh setinggan. Keluarga setinggan memerlukan rumah kos rendah. Untuk itu, kerajaan negeri menetapkan seunit rumah murah dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air perlu dijual pada harga RM35,000. Ini bererti setiap rumah kos rendah yang diberikan kepada setinggan mendapat subsidi daripada kerajaan negeri sebanyak RM7,000.


Bagi menjayakan setinggan sifar, Mokhtar berkata, kerajaan negeri turut menampung sebahagian kos rumah berkenaan memandangkan harga sebenar seunit rumah murah adalah lebih tinggi daripada RM35,000. Harga yang tinggi ini antara lain disebabkan harga tanah di Selangor lebih mahal berbanding negeri-negeri lain.

Bagi menyediakan rumah murah tersebut, hanya yang dikenal pasti dan benar-benar layak dapat memilikinya menerusi banciaan yang dijalankan oleh PBT di kawasan masing-masing.

Bagaimanapun usaha murni kerajaan negeri menyediakan tempat tinggal yang sempurna dan selesa tidak diharga oleh golongan yang oportunistik. Mereka ini sentiasa sahaja menentang pembangunan dan mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan peribadi. Mereka menjadikan penduduk setinggan sebagai bahan percaturan bagi mencapai matlamat mereka.

Walaupun golongan oportunistik ini kecil tetapi mereka yang terdiri daripada golongan berada mampu untuk menggagalkan setiap usaha kerajaan untuk menghapuskan setinggan di satu-satu kawasan.

Mereka ini yang mempunyai rumah kediaman sendiri membina rumah setinggan untuk disewakan kepada keluarga yang susah. Bagi berhadapan situ-



**Mokhtar Dahlan**

asi seperti itu, Mokhtar berkata, kerajaan perlu berhati-hati dan bertindak tegas supaya golongan seperti itu tidak berjaya memperdayakan kerajaan dalam usaha mereka mendapatkan rumah kos rendah.

Sebagai contohnya, baru-baru ini 42 keluarga di Kampung Wira Damai, Selangor, membina semula khemah di tapak rumah mereka yang dirobohkan sebelum ini. Mereka sebenarnya telah diberikan pampasan RM4,000 dan lot tanah seluas 2,400 kaki persegi di Permatang Pagar dan Kundang.

Mereka mendakwa kerajaan bertindak zalim kerana merobohkan rumah mereka tanpa sebarang pampasan dan tidak diberikan rumah kos rendah. Menurut Mokhtar, mereka ini sebenarnya ingin mendapatkan pampasan dua kali. Mereka tidak bersyukur dengan pampasan tersebut yang sebenarnya paling tinggi jika dibandingkan dengan pampasan untuk keluarga setinggan di kawasan lain.

PBT harus tegas dalam mengenal pasti setinggan tulen. Peranan ini juga harus dipikul bersama oleh agensi lain termasuk jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) serta wakil-wakil rakyat.

Sebelum ini isu setinggan diletakkan di bawah pelbagai agensi kerajaan negeri Selangor. Akibatnya masalah ini sukar untuk diselesaikan secara berkesan.

"Bagi memastikan operasi setinggan sifar mencapai matlamatnya, kerajaan negeri telah menubuhkan unit setinggan sepenuh masa yang diletakkan di bawah setiap PBT di Selangor. Menerusi unit setinggan, PBT perlu lebih fokus dengan memberikan keutamaan dan

memantau kawasan di daerah masing-masing," ujar Mokhtar.

Menurut beliau, kerajaan negeri setakat ini telah berjaya menghapuskan lebih 50 peratus setinggan. Kira-kira 21,000 buah setinggan berjaya dirobohkan. Mereka diberikan rumah kos rendah dan dipindahkan ke rumah-rumah penempatan sementara bagi menunggu rumah mereka siap dibina.

Mokhtar memberi amaran sesiapa yang membina rumah setinggan selepas banciaan pada tahun 2000 akan dirobohkan tanpa sebarang amaran. Permohonan mereka untuk mendapatkan rumah kos rendah tidak akan dilayan selepas banciaan tersebut dijalankan. Selain kerena penduduk setinggan, Mokhtar turut memberikan amaran kepada pemaju perumahan supaya segera membina rumah kos rendah. Jika mereka sengaja melengah-lengahkan membina rumah kos rendah, kerajaan negeri akan merampas tanah yang diberi untuk dimajukan. Mana-mana pemaju yang gagal menyiapkan rumah mengikut tempoh atau tidak mengikut spesifikasi seperti ditetapkan, tindakan tegas hendaklah diambil ke atas mereka.

Turut memastikan program setinggan sifar berjalan lancar, kerajaan negeri juga menubuhkan Tabung Darul Ehsan bagi penduduk setinggan yang tidak mampu membayar deposit rumah kos rendah. Dengan hanya membayar RM1, mereka boleh memiliki rumah kos rendah dan bayaran ansuran hanya dibuat selepas rumah siap. Sekali gus dan tanpa disedari, konsep ini lebih merupakan mesra rakyat.

"Bagi golongan tua yang tidak mampu dan berkeupayaan, kerajaan negeri turut menyediakan satu lagi skim yang cukup fleksibel iaitu skim Generasi Kedua. Menerusi skim ini orang-orang tua boleh menggunakan nama anak untuk membuat pinjaman bagi membiayai pembelian rumah kos rendah.

"Kita lakukan ini semua adalah untuk memastikan setiap setinggan mampu memiliki rumah sendiri. Mereka mampu menikmati kehidupan yang selesa dan berkualiti sama seperti golongan yang berada. Kediaman mereka dilengkapi dengan segala kemudahan asas, taman rekreasi, tempat beribadat bagi mereka menikmati kehidupan yang kondusif dan sihat," jelas Mokhtar.

Menerusi kemudahan yang disediakan, beliau berharap jurang kehidupan antara penduduk setinggan dan mereka yang berada dapat dihapuskan menjelang 2005. Di samping itu, kerajaan ne-



geri Selangor turut mewujudkan Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara. Kesungguhan usaha kerajaan negeri menangani masalah setinggan dilihat semakin berkesan apabila sehingga April tahun ini sebanyak 161 buah kampung setinggan dengan 31,560 keluarga dikenal pasti layak ditawarkan rumah kos rendah.

Mengenai setinggan asing, Mokhtar menjelaskan, kerajaan negeri telah berjaya menghapuskan semua setinggan asing yang berjumlah lebih 11,000 buah seperti di Sungai Rumpun Ampang Jaya, Bukit Antarabangsa dan Sungai Kayu Ara. □

*Menjelang 2005, Selangor ingin memastikan wujud penempatan lebih tersusun di seluruh Selangor seperti di Shah Alam.*

## RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR

- a. Menerangkan dasar dan cadangan-cadangan strategik peringkat negeri berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan bandar dan luar bandar termasuk langkah-langkah:
  - i) Memperelokkan lagi alam sekitar dari segi fizikal
  - ii) Memperelokkan lagi perhubungan dan untuk menguruskan lalu lintas
  - iii) Pembaikan tahap sosioekonomi, penggalakkan pertumbuhan ekonomi
  - iv) Memudahkan pembangunan secara lestari.
- b. Mengandungi perkara-perkara lain yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).
- c. Menyatakan pertalian antara cadangan-cadangan yang terkandung di dalamnya dengan cadangan-cadangan bagi pemajuan dan penggunaan tanah di negeri-negeri bersempadan dengannya yang dijangka mungkin menyentuh negeri itu.

